



JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI
MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH PADANG BOLA SEPAK DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN MERU INDAH 6, JALAN
HAMZAH ALANG 5 DAN DI JALAN 5, TAMAN SERI DUA BELAS KAPAR, KLANG UTARA

Pendahuluan:

- 1
- Kerja yang meliputi dalam kontrak ini mengandungi peruntukkan oleh kontrak dengan risiko dan kosnya sendiri bagi semua bahan-bahan, peranca-peranca, peralatan loji, pekerja, pengangkutan, air dan lain-lain perkara yang perlu untuk pembinaan dan penyiapan kerja diatas mengikut spesifikasi, pelan dan kelulusan sepenuhnya oleh Pegawai Penguasa.
- 2
- Singkatan-singkatan adalah seperti berikut:-

M - METER PANJANG M2 - METER PERSEGI M3 - METER PADU

NO - BILANGAN J.P. - JUMLAH PUKAL P.S. - PERUNTUKAN SEMENTARA

Bil.	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar	Jumlah (RM)
	Nota:				
1	Pemborong juga bertanggungjawab terhadap pembersihan di tapak semasa dan selepas menjalankan kerja mengikut arahan Pegawai Penguasa.	-	-	-	-
2	Pemborong dikehendaki menyediakan keselamatan terhadap orang awam dan pekerja-pekerja secukupnya.	-	-	-	-
3	Pemborong adalah bertanggungjawab membaiki jalan-jalan atau yang berkaitan sekiranya berlaku kerosakan semasa atau selepas ada pembinaan dijalankan kepada kawasan sedia dengan kos perbelanjaan sendiri.	-	-	-	-
4	Pemborong hendaklah mengisi segala butiran di dalam dokumen ini dengan selengkapnya seperti di dalam ruangan Senarai Kuantiti dan sebagainya.	-	-	-	-

Bil.	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar	Jumlah (RM)
A	PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM				
A.1	Penyediaan untuk gerenti dan insurans-insurans seperti yang disenaraikan mengikut syarat-syarat kontrak.				
A.1.1	Bon Perlaksanaan				
A.1.2	Pampasan pekerjaan				
A.1.3	Insuran kerja dan Liabiliti Awam sebanyak RM300,000.00 atau <i>Contractor All Risk</i>	JP	-	-	
A.2	Papan tanda projek				
A.2.1	Kerja-kerja membekal dan memasang satu papan tanda projek berukuran 1.8m lebar x 2.1m tinggi mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan di dalam lukisan seperti dilampirkan. Hendaklah dipasang pada lokasi yang ditentukan oleh Pegawai Penguasa sebelum projek berjalan hingga siap projek termasuk membuka dan membawa keluar dari tapak.	Nos	5		
A.3	Menyediakan laporan pemantauan kerja				
A.3.1	Penyediaan dua (2) salinan laporan bergambar, bertarikh dan berwarna dengan format salinan digital (pendrive) serta bercetak. Gambar-gambar perlu diambil sebelum, semasa dan selepas siap kerja.	JP	-	-	
A.4	Program Kerja				
A.4.1	Kontraktor perlu mengemukakan program kerja (Format Microsoft Project) atau setara kepada Pegawai Penguasa untuk kelulusan sebelum memulakan kerja-kerja pembinaan di tapak dan menghasilkan serta mengemaskini jadual projek melalui kaedah <i>Critical Path Method</i> (CPM).	JP	-	-	
A.5	<i>Mobilisation dan Demobilisation</i>				
A.5.1	Peruntukan untuk <i>mobilisation</i> dan <i>demobilisation</i> untuk pekerja, jentera, peralatan dan keperluan lain yang berkaitan untuk melaksanakan kontrak dan kos perbelanjaan lain yang berkaitan seperti yang disebutkan di dalam kerja PERMULAAN - BAHAGIAN A. pihak kontraktor harus mengambil kira pemindahan jentera dari satu lokasi ke lokasi yang lain di kawasan yang sama mengikut arahan Pegawai Penguasa.	JP	-	-	
A.6	Penyediaan Laporan Rekabentuk ' <i>method of statement</i> ' yang disahkan oleh Arkitek Landskap bertauliah bagi tujuan khidmat nasihat, pemantauan, laporan dan pengesahan kerja semasa kerja-kerja menaik taraf dijalankan termasuk pelan survey bagi semua padang di dalam kontrak dan pelan rekabentuk menaiktaraf/pemulihan padang yang dicadangkan dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa.	JP	-	-	
	JUMLAH DIBAWA KE KOLEKSI				

Bil.	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar	Jumlah (RM)
B	KERJA-KERJA PEMULIHAN PADANG DAN AERATION				
B.1	Kerja-kerja pemeriksaan keadaan padang, penandaan kawasan rendah, kerja-kerja pemulihan padang/ <i>waterlogging</i> dan kerja-kerja <i>aeration</i> mengikut arahan Pegawai Penguasa.	JP	-	-	
B.2	Kerja-kerja pemotongan rumput ke paras 20mm serta membuang sisa-sisa tersebut ke tapak pemborong sendiri mengikut arahan Pegawai Penguasa.	m2	22,200		
B.3	Kerja-kerja meratakan topsoil dengan ketebalan 100mm ke atas tapak penanaman mengikut arahan Pegawai Penguasa.	m2	5,000		
B.4	Membekal dan menanam rumput <i>Axonopus compressus</i> (99% ketulenan) ke atas tapak penanaman.	m2	5,000		
B.4.1	i. Ciri-ciri sodding : Min. 25mm tebal tanah, Max. tinggi rumput 25mm.				
B.4.2	ii. Saiz sodding : 300mm x 600mm.				
B.4.3	iii. Susunan sodding : Close turfing bersudut tegak dan berselang-seli.				
B.4.4	iv. Jarak sodding : 10mm di antara sod yang lain.				
B.4.5	v. memampatkan kawasan penanaman rumput menggunakan mesin pemampat / tandem roller 1 ton serta menyiram sejurus selepas kerja pemampatan selesai.				
B.5	Kerja-kerja <i>deep core aeration</i> menggunakan mesin <i>aerator</i> (heavy duty) bagi menggembur permukaan tanah dengan kedalaman 100mm, jarak lubang 75mm dilaksanakan dalam dua (2) arah (cross aeration) keseluruhan permukaan padang mengikut arahan Pegawai Penguasa.	m2	22,200		
B.6	Kerja-kerja meratakan <i>core soil</i> menggunakan mesin manual <i>drag mat</i> yang sesuai dan membuang lebihan <i>core soil</i> ke tapak pemborong sendiri mengikut arahan Pegawai Penguasa.	m2	22,200		
C	KERJA-KERJA TOP DRESSING DAN LEVELLING				
C.1	Kerja-kerja membekal dan menghampar lapisan pasir halus / <i>top dressing</i> di keseluruhan permukaan padang dengan ketebalan 30mm, dihampar secara sekata bagi memastikan permukaan rata dan seragam, menyediakan chamber yang sesuai untuk pengaliran air permukaan bagi menyokong akar rumput dan saliran padang yang optimum menggunakan mesin / alat yang sesuai mengikut arahan Pegawai Penguasa.	m2	22,200		
	JUMLAH DIBAWA KE KOLEKSI				

Bil.	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar	Jumlah (RM)
D	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN Menyediakan peralatan, buruh serta lain-lain keperluan bagi menjalankan kerja-kerja penjagaan seperti terkandung di dalam kontrak dan seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Rujuk jadual kerja penyelenggaraan bulanan yang dilampirkan bersama di spesifikasi kerja landskap lembut. Nota: Segala perincian kerja penyelenggaraan seperti dibawah:				
		Bln	3		
D.1	Menyiram				
D.1.1	Kerja-kerja penyiraman rumput sekurang-kurangnya dua kali sehari.				
D.2	Merumput dan Menggembur Tanah				
D.2.1	Kerja-kerja merumput dan menggembur hendaklah dilakukan berterusan. Kawasan rumput hendaklah bersih dari sebarang rumpai setiap masa.				
D.3	Membaja				
D.3.1	Rumput Kerja pembajaan pertama sejurus selepas pemotongan kali pertama dengan menggunakan baja NPK 15:15:15 pada kadar 10gm/m ² . Permukaan rumput yang dipotong dengan (brush cutter) mestilah disiram selepas pembajaan dilakukan. Pembajaan pertama selepas potongan pertama dilakukan dan seterusnya setiap dua (2) minggu.				
D.4	Kawalan Serangga/Penyakit				
D.4.1	Kerja-kerja kawalan serangga perosak dan penyakit dengan menyembur racun serangga dan racun kulat yang dibenarkan oleh Pegawai Penguasa pada rumput-rumput yang telah diserang serangga perosak dan penyakit sekiranya ada tanda-tanda serangga pada rumput.				
D.5	Penggantian Rumput				
D.5.1	Kontraktor dikehendaki mengganti rumput yang tidak sihat atau mati di dalam tempoh penyelenggaraan.				
D.6	Memotong Rumput				
D.6.1	Potongan pertama pada satu (1) bulan selepas penanaman dan potongan seterusnya setiap 1 minggu. Mengekalkan ketinggian rumput 20mm dari aras tanah. Menyisihkan sisa potongan selepas kerja-kerja pemotongan dilakukan.				
D.7	Pembersihan				
D.7.1	Kontraktor dikehendaki melaksanakan kerja-kerja pembersihan di kawasan landskap setiap hari termasuk mengutip dan menyapu sampah dikawasan celah-celah dan sekeliling pokok termasuk daun-daun kering, kertas, plastik, kaca, batu, tin minuman, sisa binaan dan sebagainya yang tidak dikehendaki. Pihak kontraktor hendaklah memastikan seluruh kawasan tersebut bersih dari sebarang sampah setiap hari. Segala sampah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik sampah dan dibuang ke tempat pembuangan sampah yang dibenarkan.				
D.8	Merumpai				
	JUMLAH DIBAWA KE KOLEKSI				

Bil.	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar	Jumlah (RM)
D D.9 D.9.1	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN (Sambungan) Top Dressing (Rumput) Kerja-kerja <i>top dress</i> dengan pasir sungai yang bersih bagi menutup ruang-ruang antara kepingan 'sod' dengan menggunakan pencakar. Kerja-kerja memampatkan dilakukan untuk menguatkan ikatan antara kepingan 'sod' dengan tanah atau 'base media'. Jika menggunakan mesin kontraktor perlu memastikan berat jentera tidak melebihi 1 tan dan kerja-kerja penyiraman dibuat sejurus selepas kerja pemampatan selesai.				
E E.1	KERJA-KERJA MEMASANG PENGHADANG TIANG GOL Membekal, menyedia, membawa dan memasang penghadang tiang gol saiz keseluruhan 18000mm (p) x 6000mm (t) dengan selengkapnya termasuk kerja-kerja asas konkrit, pagar dawai <i>PVC chain link</i> berjejari 50mm diameter, tiang kerangka besi melintang dan menegak, tiang penyokong di bahagian belakang bersaiz 75mm diameter dipasang setiap 2500mm kerja kimpalan, mengecat kerangka besi selengkapnya serta sebarang pengubahsuaian berdasarkan keadaan tapak seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa.	Nos	6		
F F.1	KERJA-KERJA MEMBEKAL SERTA MEMASANG TIANG GOL BAHARU Membekal, membawa serta memasang tiang gol yang baru jenis <i>m.s steel</i> besaiz keseluruhan 2400mm x 6575mm x 100mm diameter lengkap dengan penyangkut jaring termasuk kerja-kerja asas konkrit, kerja kimpalan dan mengecat dengan satu (1) lapisan cat antikarat dan dua (2) lapisan cat kilat beserta jaring gol dengan kemas dan selamat dan sebarang pengubahsuaian berdasarkan keadaan tapak seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa.	Nos	6		
G G.1	WANG PERUNTUKAN SEMENTARA Peruntukan wang sementara sebanyak RM50,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu Sahaja) bagi melaksanakan kerja-kerja yang melibatkan pertambahan kos dan tidak termasuk dalam skop kerja asal mengikut arahan pegawai penguasa. Walaubagaimanapun wang ini akan ditolak daripada jumlah kontrak sekiranya tiada keperluan untuk perkara diatas atau sebaliknya.	WPS	-	-	50,000.00
	JUMLAH DIBAWA KE KOLEKSI				



JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI
MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH PADANG BOLA SEPAK DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN MERU INDAH 6, JALAN
HAMZAH ALANG 5 DAN DI JALAN 5, TAMAN SERI DUA BELAS KAPAR, KLANG UTARA

KOLEKSI	JUMLAH (RM)
MS/BQ/1	-
MS/BQ/2	
MS/BQ/3	
MS/BQ/4	
MS/BQ/5	
JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA	

RINGGIT MALAYSIA :
.....

TEMPOH SIAP :BULAN

Nama KONTRAKTOR :
.....
.....

Nama SAKSI :
.....
.....

Alamat :
.....
.....
.....

Alamat :
.....
.....
.....

No. Kad Pengenalan :

No. Kad Pengenalan :

No. Telefon :

No. Telefon :

Tandatangan Kontraktor dan Cop :

Tandatangan Saksi :

.....

.....

Tarikh :

Tarikh :